

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
SELAKU Pengerusi Jawatankuasa Pelak-
sanaan Bahasa Kebangsaan Menerusi
Radio Malaya pada 30hb Jun, 1963

Sebagai Pengerusi Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan, saya sangat-sangatlah merasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dalam kesibukan menghadapi masalah-masalah menubuhkan Persekutuan Malaysia dan lain-lain masalah besar yang dihadapi oleh Kerajaan kita hari ini, dapat juga saya waktu seperti ini untuk bercakap kepada tuan-tuan sekalian.

Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan sebagai langkah yang cermat ke arah penggunaan bahasa itu menjadi bahasa rasmi yang tunggal dalam masa yang tidak lama lagi, iaitu tahun 1967 yang akan datang, adalah satu langkah yang menghendaki tenaga, fikiran dan juga keikhlasan yang amat besar. Usaha pelaksanaan menggunakan Bahasa Kebangsaan di pejabat-pejabat Kerajaan dan lain-lain penggunaan secara rasmi adalah pada masa ini dijalankan dengan cara sukarela kerana Perlembagaan kita masih lagi membenarkan bahasa Inggeris digunakan di samping Bahasa Kebangsaan. Tetapi usaha sukarela dalam hal Bahasa Kebangsaan ini tidaklah sama dengan usaha-usaha sukarela dalam lapangan-lapangan kebajikan dan sebagainya. Usaha sukarela menggunakan Bahasa Kebangsaan adalah usaha sukarela kebangsaan, sama sifatnya dengan sukarela seorang ahli politik dalam usaha-usahanya memimpin rakyat, sama seperti sukarela orang awam memikul senjata kerana mempertahankan kedaulatan negara dan sebagainya.

Oleh sebab itulah dalam usaha menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi di pejabat-pejabat Kerajaan dan pejabat-pejabat orang ramai pada masa ini berkehendakkan tenaga yang besar untuk belajar dan memahirkan diri masing-masing; berkehendakkan fikiran yang tenang dan sabar menghadapi berbagai-bagai kesukaran dan juga yang terutama sekali berkehendakkan semangat keinsafan dan keikhlasan yang besar di dalam dada masing-masing.

Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal bagi negeri ini adalah sebahagian daripada pelaksanaan rancangan pembangunan negara. Seluruh pembangunan negara kita mempunyai tujuan yang satu, iaitu kemakmuran dan keamanan. Kemakmuran dan keamanan dalam negeri yang didiami oleh berbagai-bagai kaum dari berbagai-bagai kepentingan dan berbagai-bagai kepercayaan ini tidaklah dapat ditegakkan hanya dengan kemajuan ekonomi dan kemajuan-kemajuan teknik yang lahir sahaja. Di samping kemajuan lahir itu kita berkehendakkan kemajuan batin juga, kemajuan semangat kebangsaan dan semangat perpaduan.

Kita tidak hanya berkehendakkan kesenangan-kesenangan hidup lahir tetapi lebih penting lagi kita berkehendakkan ketenteraman hati dan jiwa. Kita berkehendakkan persefahaman dan perpaduan antara kita sama kita yang terdiri dari berbagai-bagai kaum di negeri ini. Kita berkehendakkan sesuatu yang bukan merupakan wang dan harta sahaja untuk ketenteraman hidup kita; sesuatu yang boleh menambah kemesraan, menambah saling pengertian antara kita. Ini ialah semangat kebangsaan, semangat cintakan tanah air, semangat merasa terhormat dan megah dengan lambang-lambang kebangsaan kita.

Bahasa Kebangsaan ialah salah satu daripada unsur-unsur yang akan menimbulkan persamaan semangat itu di dalam diri tiap-tiap kita dengan tidak mengira apa asal keturunan kita.

Masalah ini telah banyak kali diperkatakan oleh cerdik pandai dan ahli-ahli kebudayaan kita dan memanglah telah diakui di seluruh dunia bahawa tiap-tiap bangsa itu mestilah ada dasar-dasar perpaduan kebangsaannya untuk dapat hidup aman, makmur dan dihormati oleh lain-lain bangsa.

Tetapi bahasa sebagai lambang perpaduan tidaklah akan memberi kesan kalau lambang itu hanya tinggal menjadi lambang yang tertulis di dalam perlembagaan sahaja, sebab bahasa adalah sesuatu yang tidak mempunyai pengaruh sama sekali kalau tidak digunakan. Bahasa baharu berpengaruh kalau ia hidup dan digunakan.

Tidaklah ada gunanya kita mengakui mempunyai Bahasa Kebangsaan untuk asas perpaduan kita kalau bahasa itu tidak kita gunakan dalam segala lapangan penghidupan. Kalau bahasa kebangsaan negeri ini benar-benar akan kita jadikan asas perpaduan semangat kebangsaan kita maka tidaklah ada jalan lain lagi daripada menggunakan bahasa kebangsaan itu sebagai bahasa rasmi yang tunggal, di samping menggunakannya sebagai bahasa perantaraan umum dan bahasa pengantar ilmu pengetahuan di sekolah-sekolah,

Itulah sebabnya pelaksanaan Bahasa Kebangsaan saya anggap sebagai salah satu dari pelaksanaan dasar pembangunan negara. Tiap-tiap orang yang mengaku taat setia kepada negeri ini mestilah bergerak sama, mestilah terlibat sama dalam gerakan pembangunan yang besar itu.

Bulan Bahasa Kebangsaan telah diadakan tiap-tiap tahun untuk menyedarkan orang ramai kepada cita-cita pembangunan itu. Setelah gerakan Bulan Bahasa berjalan dengan baik dan rancak dalam beberapa tahun yang lalu maka Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan pun ditubuhkan dengan tugas memerhati dan menentukan sejauh mana kesan-kesan dari gerakan Bulan-bulan Bahasa itu berlaku di dalam kehidupan orang ramai dan pentadbiran kerajaan.

Kerajaan tidaklah bercakap-cakap kosong sahaja dalam langkah yang besar ini. Segala kemudahan sudah diadakan untuk orang ramai dan untuk pegawai-pegawai kerajaan belajar Bahasa Kebangsaan. Syarat-syarat Bahasa Kebangsaan bagi pengakuan sijil-sijil persekolahan telah diadakan dan demikian juga syarat kelulusan Bahasa Kebangsaan bagi memegang jawatan-jawatan kerajaan pun telah sedia ada. Ini semua adalah langkah-langkah pelaksanaan yang dijalankan dengan cara beransur-ansur. Kerajaan tidak sekali-kali menyusahkan barang sesiapa pun dalam soal pelaksanaan Bahasa Kebangsaan ini. Tetapi kalau langkah-langkah yang telah dijalankan itu tidak disambut dengan baik oleh orang ramai dan oleh pegawai-pegawai kerajaan maka jika tiba masanya pelaksanaan itu dijalankan dengan undang-undang kelak sudah tentulah banyak orang yang akan mendapati kedudukannya menjadi susah dan serba salah. Hal yang seperti itu tidaklah dikehendakki oleh Kerajaan.

Baik juga saya tegaskan di sini bahawa Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan tidaklah hanya mengawasi pemakaian bahasa itu di Pejabat-pejabat Kerajaan sahaja tetapi juga mengawasi dan memerhatikan langkah-langkah perusahaan dan perniagaan yang selalunya berhubung dengan Kerajaan dan orangramai.

Setakat ini saya dapati kemajuan yang dicapai adalah memuaskan. Tetapi suka saya mengingatkan kepada Ketua-ketua Pejabat, baik Kerajaan mahu pun orangramai, bahawa dalam beberapa perkara kita masih lagi jauh daripada matalamat yang dituju. Ketua-ketua Pejabat dan juga Ketua-ketua Perusahaan dan Perniagaan patutlah lebih giat lagi berusaha supaya pelaksanaan menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam urusan pentadbiran, surat menyurat, penerangan-penerangan, iklan-iklan dan papan-papan nama patutlah diperhebat dan diperluas.

Pada masa ini, seperti saya katakan tadi, usaha-usaha pelaksanaan Bahasa Kebangsaan adalah masih sukarela, tetapi sukarela itu bukannya sukarela kebajikan, melainkan sukarela kebangsaan. Sejauh mana orang melakukan sukarela kebangsaan, dapat dijadikan ukuran sejauh mana ia mementingkan kepentingan-kepentingan kebangsaan dan negara. Sebanyak mana ia mengelakkan sukarela kebangsaan itu, dapat pula dijadikan ukuran sebanyak mana ia mengelakkan kepentingan-kepentingan kebangsaan dan mengutamakan kepentingan-kepentingan diri sendiri.

Saya suka mengingatkan, semangat mementingkan diri dan kaum dalam zaman pembangunan ini tidaklah akan menguntungkan sesiapa pun. Jika akhirnya kelak parlimen telah menetapkan Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal maka waktu itu tentulah pelaksanaan tidak lagi sukarela melainkan mengikut aturan-aturan perundangan. Kerajaan tidaklah suka ada orang-orang yang akan merasa susah dan serba salah pada waktu itu. Oleh sebab itu bergeraklah dan bersertalah dalam segala usaha menggunakan Bahasa Kebangsaan dari sekarang juga.